

# MENGURANGKAN RISIKO JALAN RAYA TERHADAP ALAM SEKITAR

## 1. Perancangan pembinaan jalan raya akan mengurangkan ancaman terhadap biodiversiti dan ekosistem:

- ♦ Telah terbukti bahawa kenderaan membunuh banyak spesis hidupan liar
- ♦ Sesetengah spesis burung, hidupan liar yang tinggal di atas pokok dan haiwan besar lebih cenderung dalam mengelakkan jalan raya Kadar pembunuhan akan makin meningkat kerana berhampiran dengan jalan raya
- ♦ Peningkatan pemusnahan hutan berhampiran dengan jalan raya mengurangkan fungsi hutan sebagai tempat penyimpanan karbon, pengawal iklim dan suhu, dan sebagai tempat penulenan air.

## 2. Pengurangan pembinaan jalan raya ketika cuaca basah akan meminimumkan hakisan and banjir:

- ♦ Pembinaan jalan raya meningkatkan kadar hakisan tanah sehingga 1,000 kali
- ♦ Hakisan tanah akan menjadi sangat biasa terutamanya dalam keadaan yang curam dan basah
- ♦ Hakisan tanah berpotensi untuk mencemarkan sungai, yang akan membunuh ikan dan hidupan akuatik lain
- ♦ Jalan raya menghalang pengaliran air secara semula jadi, menyebabkan banjir dan kemusnahan hasil tanaman.
- ♦ Dalam kebanyakan kes, kos yang tinggi diperlukan untuk pembinaan system perparitan yang efektif bagi jalan raya terutama pada musim hujan



## 3. Membaik-pulih kemusnahan hutan dan fragmentasi disebabkan oleh jalan raya:

- ♦ Di kawasan tropika, 95% kemusnahan hutan biasanya berlaku dalam persekitaran 5 kilometer kawasan jalan raya
- ♦ Kajian telah menunjukkan banyak pembinaan jalan raya di negara sedang membangun berlaku secara haram
- ♦ Diketahui bahawa jalan raya menyumbang kepada peningkatan pembakaran hutan secara haram
- ♦ Di peringkat global, jalan raya dikenali sebagai ancaman yang paling penting terhadap alam semula jadi
- ♦ Jalan raya memusnahkan habitat, yang seterusnya akan meningkatkan pembalakkan haram, perlombongan dan pemburuan haram
- ♦ Jalan raya boleh menjadi penghalang yang serius kepada penghijrahan haiwan serta penyebaran biji benih dan tumbunan



## 4. Elakkan pembinaan jalan raya di kawasan cerun curam bagi mengurangkan potensi tanah runtuh

- ♦ Di tempat cerun curam, kawasan jalan raya mengalami tanah runtuh sebanyak 10-15 kali berbanding kawasan hutan terpelihara.
- ♦ Tanah runtuh boleh memusnahkan jalan raya, kawasan perumahan, harta – benda serta mengakibatkan masalah kewangan
- ♦ Kawasan cerun curam yang berhampiran jalan raya mempunyai risiko sehingga 30 kali untuk mengalami tanah runtuh per sekilometer

**RISIKO YANG TINGGI TIMBUL APABILA KAWASAN HUTAN TERPELIHARA DIGANTI**